

# Rashidie saudagar minyak wangi

**O**BSES terhadap haruman menyebabkan **Mohd. Rashidie Ramli**, 30, menceburkan diri dalam dunia perniagaan minyak wangi beberapa bulan lalu. Dikenali sebagai pengasas NK Exclusive Pure Parfum, lelaki ini mencuba pelbagai jenis perniagaan dengan menjual barangan dan produk orang lain sejak enam tahun lalu untuk menimba pengalaman.

“Saya memang gemar berniaga dan sejak menuntut di Universiti Putra Malaysia (UPM), saya telah melibatkan diri dalam perniagaan makanan secara kecil-kecilan ketika itu. Akhirnya saya terfikir, kenapa tidak saya menjual produk dan jenama sendiri, justeru saya cuba memasarkan minyak wangi dan ternyata memberi pulangan memberangsangkan,” katanya.

Selain itu, dia juga mempunyai perniagaan berasaskan studio kecergasan berkonsepkan Muslimah yang diusahakan bersama isterinya yang terletak di Bandar Seri Putra, Selangor.

Berasal dari Johor, Mohd. Rashidie memberitahu, di samping berniaga, dia juga sebenarnya hendak membantu orang muda bergelar usahawan dengan menjadi ejen dan wakil jualan kepada produk

keluarannya yang dijual secara dalam talian mahupun *offline*.

Jelas lelaki yang memiliki Ijazah Kejuruteraan Perisian Komputer ini, biarpun bidang yang dipelajari dahulu berbeza

dengan apa yang dilakukan sekarang, namun dia bersyukur kerana hasratnya untuk berniaga telah direalisasikan.

Berbicara mengenai haruman yang dipasarkan, Mohd. Rashidie menjelaskan, NK Exclusive merupakan 100 peratus pati haruman yang diimport dari Perancis

dan mempunyai enam jenis bauan iaitu *elegant*, *indulgence*, *enchant*, *galore*, *fortune* dan *energetic*.

Produk ini katanya tidak beralkohol, boleh dibawa solat, harumannya tahan lama dan boleh digunakan lelaki dan wanita.

“Saya tidak mengehkan penggunaan minyak wangi ini terhadap satu golongan sahaja kerana pelanggan sendiri boleh memilih jenis bauan bagaimana yang mereka kehendaki, kuat ataupun lembut.

“Lagipun NK Exclusive ini mempunyai kelebihan tersendiri dengan berbau mengikut keharuman berbeza mengikut jenis kulit, hormon dan emosi individu berkenaan. Sebenarnya lagi orang itu berpeluh, lagi harum bau minyak wangi ini,” katanya

yang memberitahu tagline untuk produk minyak keluarannya ialah Haruman Mewah Mampu Milik yang berharga RM20.

Mohd. Rashidie juga terpanggil mempelawa golongan muda yang mahu menjadi wakil jualan dengan modal serendah RM170 dengan kemukakan pertanyaan kepada facebook NKExclusive Parfum HQ atau di Instagram *nk.exclusive.parfum*.



**MOHD. RASHIDIE RAMLI**

